KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	20,21
JABATAN	:	JPSM			



AMALAN menanam pokok perlu dipupuk sejak awal [illegible]

KEMPEN Penanaman 100 Juta Pokok yang dilancarkan sejak tahun lalu terus mendapat sokongan ramai.

100 juta pokok bendung perubahan iklim, cuaca

Rencana Utama
Oleh FARID AHMAD TARMIJI

BERBICARA tentang pokok, aset alam itu merupakan anugerah Tuhan dan mempunyai fungsinya yang tersendiri kepada dunia ini.

Pokok sangat penting kerana berperanan membekalkan oksigen segar yang diperlukan oleh manusia. Tumbuhan berkayu ini juga penting dalam menjamin kelestarian persekitaran.

Pun begitu, kini banyak pokok yang ditebang apabila kawasan-kawasan diteroka untuk tujuan pembangunan.

Di Malaysia, masalah seperti itu juga terjadi sehingga pihak kerajaan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah melaksanakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia yang dilancarkan sejak 5 Januari tahun lalu.

Kempen ini mendapat sokongan banyak pihak termasuklah Yayasan Hijau Malaysia (YHM) iaitu agensi di bawah KeTSA yang bertanggungjawab menjayakan agenda nasional tersebut.

Terdapat lima agensi kerajaan di bawah KeTSA yang melaksanakan kempen tersebut iaitu Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sebagai peneraju kempen penanaman, Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Perhutanan Sabah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan YHM.

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok merupakan salah satu inisiatif Program Penghijauan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Kempen tersebut mensasarkan penanaman 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun iaitu tahun 2021 hingga 2025 di seluruh negara.

Hingga kini, kempen yang mensasarkan 20 juta pokok setahun itu nampaknya berada di landasan yang baik apabila lebih 26 juta pokok direkodkan telah berjaya ditanam.

Mengulas mengenai inisiatif mega itu, Ketua Pegawai Eksekutif YHM, Amin Abdullah berkata, kempen diterajui KeTSA ini bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan serta kualiti hidup, selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara kita.

"Selain itu, kempen ini juga bertujuan memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia," katanya kepada K2 baru-baru ini.

Tambahnya, program itu juga selaras dengan komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara diliputi pokok-pokok dan kawasan berhutan seperti yang telah diumumkan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Dalam kempen menanam 100 juta pokok ini, definisi pokok yang dimaksudkan adalah meliputi semua jenis pokok iaitu tumbuhan berkayu mempunyai akar, batang, dahan dan daun.

Tatkala bencana alam sering melanda negara mutakhir ini termasuk perubahan pola bencana misalnya kejadian banjir pada bulan Februari di Pantai Timur, manakala Lembah Klang dilanda banjir buruk, usaha penanaman pokok ini seharusnya semakin bergema.

Amin menegaskan, pokok atau sumber hutan kepada manusia sangat amat penting. Penanaman tumbuhan hijau bukan sahaja membekalkan oksigen kepada kehidupan di muka bumi ini, malah berfungsi mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida

KEJADIAN banjir pada bulan Februari di Pantai Timur seperti di Kemaman, Terengganu baru-baru ini mengejutkan penduduk di kawasan tersebut.

AMIN optimis sasaran penanaman 100 juta pokok bakal [illegible]

INFO

Kempen Penanaman 100 Juta Pokok

- Dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) di bawah Program Penghijauan Malaysia
- Sehingga kelmarin, sebanyak 26,899,568 batang pokok telah ditanam melibatkan keluasan tanah 1,496.7Y9 hektar. Negeri yang menyatakan penanaman tertinggi ialah Sarawak dengan 8,592,162 pokok; Sabah (5,404,498 pokok) dan Pahang (3,265,479 pokok)
- Program dilaksanakan dalam tempoh lima tahun dari tahun 2021 sehingga 2025
- Menyasarkan penanaman 20 juta pokok setahun di seluruh negara



SETIAP negeri di Malaysia menunjukkan penglibatan yang serius dalam menjayakan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok yang bertujuan 'menghijaukan' negara ini.

"Jantera, penjagaan sumber-sumber alam seperti pokok ini amat penting untuk memberikan pelbagai manfaat alam sekitar seterusnya memastikan generasi akan datang turut dapat menikmati manfaatnya secara berterusan.

"Kita dapat melihat Malaysia juga tidak terkecuali daripada mengalami perubahan iklim akibat pemanasan global, sebagai contoh musim kemarau yang melanda, hujan lebat, banjir dan tanah runtuh yang tidak dijangka," bicaranya.

Usaha kerajaan bagi melaksanakan kempen ini nyata amat berfaedah khasnya bagi membendung isu perubahan iklim serta mengurangkan *carbon footprint* Malaysia.

Kini, menjadi perasaan buat kita selaku rakyat Malaysia berbanggakan dengan pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan bagi memastikan proses penanaman global dapat diperkukuhkan termasuklah menerusi program penanaman pokok di bawah kempen ini.

Pelaksanaan kempen memerlukan penglibatan masyarakat di semua peringkat bagi memastikan kempen ini mencapai objektifnya.

Amin berkata, sebagai salah satu agensi di bawah KeTSA, YHM menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi, syarikat korporat, badan bukan kerajaan, institusi pendidikan, sekolah dan orang awam dalam menjayakan kempen.

Menurutnya, YHM berjaya untuk mendapatkan sumbangan dana kewangan daripada syarikat swasta dan badan korporat bagi melaksanakan program penanaman pokok melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang disalurkan mengikut kaperluan syarikat tersebut.

"Syarikat korporat dan individu yang berminat untuk menyertai kempen ini boleh mengalirkan dana mereka melalui YHM.

"Program yang dijalankan di bawah YHM adalah dikecualikan cukai untuk inisiatif yang dijalankan di bawah Kategori Pembangunan Teknologi Hijau dan Kategori Pemuliharaan Alam Sekitar sebagai projek keperdanaan nasional sesuai dengan Jadual Kewangan (I) bawah seksyen 44 (11C), Akta Cukai Pendapatan 1967," ulasnya.

-Tambahnya, dengan kebabasan ini, syarikat swasta dan korporat yang mempunyai dana kewangan melalui YHM bagi kempen ini adalah layak untuk menuntut potongan cukai pendapatan sebanyak 10 peratus dari jumlah pendapatan agregat tahunan bagi syarikat dan 7 peratus daripada jumlah pendapatan bagi individu.

YHM turut mengalu-alukan syarikat korporat dan swasta untuk membuat sumbangan dalam pelbagai bentuk termasuk produk atau bauran diskaun pembelian.

Bentuk sumbangan ini boleh disalurkan sebagai 'insentif' untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dalam aktiviti penanaman pokok dan seterusnya merekodkan aktiviti mereka melalui aplikasi mudah alih Penghijauan Malaysia atau laman web Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di www.100jutapokok.gov.my.

Orang ramai akan dapat mengumpul mata daripada aktiviti penanaman pokok dan menebus mata ini melalui aplikasi mudah alih dan laman tersebut berkenaan. Aplikasi mudah alih tersebut boleh dimuat naik melalui Google Playstore, App Store dan App Gallery.

Jelas Amin, setakat ini, YHM menerima maklum balas yang baik daripada pelbagai pihak terutama syarikat-syarikat swasta dan badan korporat yang menyalurkan dana untuk aktiviti penanaman pokok dalam menyokong pelaksanaan kempen ini.

Beberapa siri program penanaman pokok juga dilaksanakan pada tahun lalu dan tahun ini dengan kerjasama syarikat swasta, agensi kerajaan dan lain-lain antaranya MISTPORTS, Petronas, Mitsubishi, Telekom Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad, Astilasik, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Malaysian Timber Council (MTC).

Menerusi kerjasama dan sogi pesanan ini, YHM yakin ia mampu memberi peluang dan menarik lebih banyak penglibatan masyarakat terutama syarikat korporat untuk terlibat dalam kempen berkenaan selaras gas menyokong usaha kerajaan mencapai penanaman 100 juta pokok menjelang 2025.

Amin berkata, bagi memantau pelaksanaan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok secara sistematik, KeTSA telah membangunkan satu aplikasi mudah alih iaitu Penghijauan Malaysia.

"Selain itu, satu laman web khas yang boleh dicapai melalui pautan www.100jutapokok.gov.my juga telah dibangunkan.

"Melalui aplikasi mudah alih dan laman web ini, pengguna boleh memuat naik maklumat berkaitan pokok-pokok yang telah ditanam dan mempunyai statistik terkini penanaman pokok oleh pengguna di seluruh negara," katanya.

Amin berharap lebih banyak syarikat korporat dan individu akan tampil untuk menyumbang dana dalam kempen berkenaan agar usaha penghijauan Malaysia ini meraikan kolongan dan penglibatan meluas dalam kalangan masyarakat di seluruh negara.

Menurutnya, YHM yakin sasaran kempen untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025 dapat dicapai sepenuhnya dengan adanya sokongan pelbagai pihak dan lebih penting apabila manfaatnya kelak dapat terus dinikmati generasi masa hadapan yang akan merasai kesedahan planet ini.

"Diharapkan masyarakat Malaysia pada umumnya juga dapat memanfaatkan program dan aktiviti menanam pokok ini dengan mengambil ia hobi yang sihat, sekurang-kurangnya dapat menjadi sumber rehat, rangsangan mental yang positif dan melestarikan alam sekitar.

"Kerjasama daripada semua pihak sangat penting untuk menjayakan kempen ini dalam usaha memulihara dan memulihara hutan serta alam sekitar secara berkesinambungan," katanya.

Penanaman pokok kaedah terbaik tangani krisis alam

MENANAM berbilion-bilion pokok di seluruh dunia adalah salah satu cara terbaik dan paling murah untuk membuang lebihan gas karbon dioksida daripada atmosfera bagi memerangani krisis iklim.

Apabila pokok-pokok tumbuh, sumber alam tersebut akan menyerap dan menyimpan gas karbon dioksida yang menjadi punca pemanasan global.

Penyelidik dari Universiti ETH Zurich, Switzerland, Prof. Dr. Tom Crowther berkata, penilaian kuantitatif beliau ini menunjukkan penambahan hutan bukan sekadar salah satu penyelesaian perubahan iklim, tetapi ia adalah penyelesaian terbaik.

"Apa yang mengejutkan saya ialah tentang skala pemulihan.



CROWTHER

"Saya pada mulanya fikir penanaman pokok ini sebahagian daripada dalam senarai 20 kandidat teratas, tetapi ia lebih berkesan daripada semua penyelesaian perubahan iklim lain yang dicadangkan," jelasnya.

Crowther menekankan penting untuk memulihkan ratusan ekar kawasan pedalaman pekan-pekan yang telah ditebang atau dimusnahkan aktiviti pembalakan haram api hutan dan penternakan haram, lalu mengembalikannya kepada asal.

Ini amat diperlukan untuk menghentikan krisis iklim kerana penyelidik mengatakan sekurang-kurangnya 90 hingga 100 tahun untuk mengembalikan 200 bilion tan karbon.

"Tetapi penanaman pokok adalah penyelesaian perubahan iklim yang tidak memerlukan sains untuk menghasilkan penyelesaian teknologi untuk menarik karbon dioksida keluar daripada atmosfera.

"Ia boleh dilakukan sekarang dan paling murah serta setiap dirinya kita boleh terlibat," katanya.

Dalam pada itu, para saintis lain juga bersetuju bahawa karbon dioksida perlu dikeluarkan daripada atmosfera untuk mengelakkan kesan bencana dan iklim tersebut tetapi sebagai tambahan kepada penyelesaian teknologi pintar-fotek akan berfungsi.

Jean-Francois Bastin yang juga penyelidik di Universiti ETH Zurich berkata, tindakan segera perlu dilakukan.

"Setiap negara kini mesti memasukkan program pemulihannya pokok ke dalam strategi nasional mereka," katanya.